

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 22 JULAI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6.	NELAYAN PULAU TIOMAN, ROMPIN DIBERI ILMU BAIKI BOT, NASIONAL, SH -6 TAMAN LAUT CECAH USIA 25 TAHUN, NASIONAL, SH -6 16 PENYELAM BERSIH PUKAT, NASIONAL, SH -7 PASARAN TERBESAR RAJA BUAH, BISNES, HM -31 ATASI SEGERA PENCEROBOHAN NELAYAN ASING, NASIONAL, HAKAKAH -N2 SIM TZE TZIN FIGHTS FAKE NEWS PERSONALLY, NATION, SIN CHEW DAILY -22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
7. 8. 9.	TAHAN NELAYAN ASING, NASIONAL, SH -22 FISH BOMBING RAMPANT IN 36 AREAS, NEWS/NATION, NST -6 FISH BOMBERS DRAWN TO EASY PROFITS, SAYS STATE MINISTER, NATION/NEWS, NST -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	CENDOL SEGERA JIMAT MASA, BISNES SINAR, SH -30	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11.	PERKUKUHKAN RANTAIAN INDUSTRI, BISNES SINAR, SH -27	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	TUAH CILI GANTUNG, MEGA AGRO, UM -28 SERAI POPULARKAN BERANANG, AGRO MEGA, UM -29 SAYUR TIDAK JADI KEPERLUAN KERANA MAHAL?, NEWS, HARAKAHDAILY -5 SABAH BERPOTENSI JADI PENGEKSPORT BERSIH PISANG CAVENDISH, NEWS, BERNAMA -4 SABAH CAN BECOME NET EXPORTER OF CAVENDISH BANANAS, SAYS STATE AGRICULTURE MINISTER, NEWS, MALAY MAIL -3 IMPROVE ACQUISITION SYSTEM TO REVITALISE 6 PLANT INDUSTRIES, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 GOVT SHOULD SET UP ONE – STOP SYSTEM TO PROMOTE DIVERSIFICATION IN PLANTING, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A14	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Nelayan Pulau Tioman, Rompin diberi ilmu baiki bot

PULAU TIOMAN - Nelayan yang menggunakan enjin sangkut di sekitar Pulau Tioman dan Rompin wajar memiliki kemahiran membaiki bot supaya dapat menyelenggara bot masing-masing secara berkala.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang, Rashima Baharudin berkata, kemahiran menyelenggara bot bukan sahaja dapat menjimatkan kos malah boleh mengelak situasi panik jika berlaku kerosakan di tengah laut.

Menurutnya, nelayan di sini perlu memiliki kemahiran itu di samping mengetahui teknologi terkini berkaitan bot.

"Kemahiran membaiki bot ini juga dapat bantu mengurangkan kos kerana nelayan tidak perlu menghantar enjin bot rosak mereka ke bengkel," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui pada Kursus Pengendalian Bot Sangkut Nelayan Kawasan Rompin 2019 di sini Sabtu lalu.

Kursus anjuran LKIM Pahang itu diadakan selama tiga hari dan berakhir semalam sempena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian

dan Industri Asas Tani Peringkat Negeri Pahang dan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Taman Laut Malaysia.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkesempatan meninjau dan bertemu peserta kursus.



Mohd Sallehuddin merakamkan gambar kenangan bersama 32 nelayan sekitar Pulau Tioman dan Rompin yang mengikuti kursus itu kelmarin.

Turut serta Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LKIM, Untung Keri dan Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LKIM, Raja Kahalid Raja Ariffin.

Rashima berkata, kemahiran diperolehi peserta melalui kursus itu diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh nelayan terlibat.

### REAKSI PESERTA



Selgat saya kursus ini adalah kali pertama dan sememangnya dapat membantu nelayan di sini membaiki kerosakan kecil pada enjin. Saya harap program ini akan berterusan dan dilakukan dari masa ke masa supaya kami dapat belajar dengan lebih mendalam. Mana tahu selepas ini kami sendiri boleh membaiki bot tanpa perlu hantar ke bengkel." - Mohd Dqn Abdullah, 63, Kampung Mukut



Terima kasih atas penganjuran kursus ini. Ia dapat menghindarkan penipuan harga daripada mekanik yang suka ambil kesempatan terhadap nelayan yang tidak mempunyai ilmu untuk selenggara enjin. Kebanyakan nelayan atau penduduk majoriti menggunakan bot setiap. Biasanya kami hantar enjin ke Mersing dan selalunya harga baiki RM400 ke atas. Padahal kalau beli barang alat ganti untuk enjin tak sampai RM100 pun." - Arman Atifin, 45, Kampung Selang

# Taman Laut cecah usia 25 tahun

## Sambutan Jubli Perak di Pulau Tioman capai matlamat

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN & AIMAN SADIQ ABDULLAH

### PULAU TIOMAN

Taman Laut yang dibangunkan sebagai salah satu usaha dalam mengurus sumber marin yang lebih sistematik bagi mengekalkan kelangsungan khazanah laut negara kini mencecah usia 25 tahun.

Taman Laut yang diwujudkan hasil idea Perdana Menteri ke-4, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1994 kini merangkumi 42 pulau yang diwartakan di lima negeri termasuk Pahang, Terengganu, Johor, Kedah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sambutan Jubli Perak 25 tahun Taman Laut diadakan seropena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini Sabtu lalu.

Majlis disempurnakan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.

Hadir sama, Timbalannya, Dr Zunika Mohamed dan Datuk Salim Parlan; Ketua Pengarah Perikanan,

Datuk Munir Mohd Nawis; Pegawai Daerah Rompin, Datuk Mohd Zulkifly Hashim; Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jamaludin Othman dan Ketua Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah LKIM (Pembangunan), Untung Keri dan Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LKIM, Raja Kahalid Raja Ariffin.

Mohd Sallehuddin dalam ucapan perasmianya berkata, taman laut yang kini diletakkan di bawah Jabatan Perikanan berperanan bagi memastikan perairan yang diwartakan sentiasa dikawal selia dan dilindungi bagi meningkatkan sumber perikanan, memelihara dan melindungi ekosistem laut.

Menurutnya, ia berikutan kesedaran terhadap berlakunya penyusutan sumber perikanan akibat ancaman semulajadi dan kegiatan manusia di kawasan terumbu karang yang menjadi habitat hidupan marin.

"Model pengurusan taman laut di negara ini diiktiraf apabila ia menjadi rujukan negara-negara yang sedang menaiktaraf pengurusan sumber marin mereka termasuk Bangladesh, India, China dan Hongkong," katanya.

Mohd Sallehuddin berkata, menjadi hasrat kementerian untuk



Mohd Sallehuddin menandatangani plak sebagai simbolik perasmian Sambutan Jubli Perak 25 tahun Taman Laut yang diadakan sempena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Pulau Tioman pada Sabtu lalu.

menjadikan pengurusan perikanan dan agro pelancongan di kawasan taman laut sebagai salah satu sumber ekonomi setempat.

Katanya, selain sebagai usaha melindungi khazanah laut negara, taman laut terbukti mampu mengubah langkah ekonomi setempat seperti yang berlaku di Pulau Tioman yang menerima kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara mencecah 250,000 orang setahun.

Taman Laut Pulau Tioman merangkumi gugusan sembilan pulau

terdiri Pulau Tioman (pulau terbesar), Pulau Tulai, Pulau Labas, Pulau Sebei, Pulau Seri Buat, Pulau Tokong Bahara, Pulau Gut, Pulau Cebeh dan Pulau Sembilang terkenal dengan keindahan terumbu karang dan kepelbagaian ekosistem lautnya sehingga menjadi lokasi popular aktiviti snorkeling dan selaman sku-ba.

Pemilihan Pulau Tioman sebagai lokasi Sambutan Jubli Perak 25 tahun Taman Laut kerana pulau yang mempunyai kira-kira 3,500 penduduk itu satu-satunya pulau

yang menerima pengiktirafan sebagai Kawasan Perlindungan Marin (MPA) Kategori 4: Flagship Regional Sites iaitu tahap paling tinggi dalam penilaian tersebut.

Mengulas berhubung usaha dijalankan dalam pengurusan taman laut, Mohd Sallehuddin berkata, taman laut juga menjalinkan kerjasama strategik dengan universiti tempatan dan badan bukan kerajaan dalam mengurus dan merancang penubuhan taman laut baharu.

"Melalui kerjasama itu dapat membantu pihak taman laut memantau tahap kesihatan terumbu karang. Tahun lalu, kita berjaya rheningkat kesihatan terumbu karang pada tahap 26 hingga 50 peratus," katanya.

Pada masa sama, beliau turut berpuas hati dengan penglibatan orang awam dalam program taman laut yang disifatkan sangat membeberangsangkan.

Mengulas berkenaan hari bertemu pelanggan kementerian peringkat negeri yang diadakan di sini kelmarin, Mohd Sallehuddin berkata, ia bertujuan memberi peluang kepada masyarakat khususnya penduduk Pulau Tioman dan kawasan sekitar berinteraksi dan mendapat informasi terkini berhubung perkhidmatan yang disediakan jabatan perikanan khususnya dan kementerian secara umumnya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

# 16 penyelam bersih pukot

**Ekspedisi bantu pulihara ekosistem hidupan marin**

Seramai 16 penyelam menyertai Ghost Net Removal Expedition PPTD-DOFM sempena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Asas Tani Peringkat Negeri dan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Taman Laut pada Sabtu lalu.

Acara pelepasan ekspedisi yang disertai penyelam dari Jabatan Taman Laut dan Persatuan Pegawai Tadbir Diplomatik (PPTD) itu disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan dan turut dihadiri Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi.

Ketua Ekspedisi dari Jabatan Laut Malaysia, Mazlan Wahab berkata, ekspedisi membersihkan pukot yang tersangkut pada batu karang itu dijalankan di kawasan Pulau Sepoi, kira-kira dua batu nautika dari Jeti Taman Laut.

Menurutnya, usaha pembersihan itu penting kerana pukot



Mohd Sallehuddin (belakang dari kiri) dan Munir (belakang, dua dari kiri) bergambar bersama peserta Ghost Net Removal Expedition PPTD-DOFM.

yang tersangkut pada terumbu karang boleh menjejaskan terumbu karang dan ekosistem hidupan marin.

"Sisa pukot ini selalunya daripada aktiviti nelayan yang memotong dan membiarkan ia hanyut sebelum tersangkut pada batu karang.

"Pukot ini boleh menjadi perangkap kepada hidupan laut, penyu misalnya yang boleh mengakibatkan haiwan itu ter-

sangkut dan mati," katanya.

Mazlan berkata, proses membuang pukot yang tersangkut agak sukar dan hanya boleh dilakukan oleh penyelam berpengalaman.

Sementara itu, Mohd Sallehuddin berkata, beliau menghargai usaha pelbagai pihak yang membantu pihak jabatan dengan mengadakan program pembersihan dasar laut dan pantai di kawasan taman laut.

Menurutnya, usaha itu boleh meningkatkan kesedaran semua pihak untuk sama-sama memainkan peranan dalam usaha memelihara dan memulihara hasil laut negara.

"Selain program pembersihan pukot yang tersangkut pada batu karang, aktiviti pembersihan kawasan pantai daripada sampah juga perlu dijalankan ia boleh mengancam dan menjejaskan hidupan marin," katanya.

## Taman Laut di Malaysia

Sebanyak 42 kawasan diwartakan sebagai Taman Laut iaitu:

**Terengganu:** Pulau Susu Dara, Pulau Perhentian Kecil, Pulau Perhentian Besar, Pulau Lang Tengah, Pulau Redang, Pulau Lima, Pulau Ekor Tebu, Pulau Pinang, Pulau Yu Besar, Pulau Yu Kecil, Pulau Kapas, Pulau Nyirah dan Pulau Tenggol.

**Pahang:** Pulau Tioman, Pulau Labas, Pulau Sepoi, Pulau Jahat atau Pulau Gut, Pulau Tokong Bara, Pulau Ceben, Pulau Tulai, Pulau Sembilang dan Pulau Seri Buat.

**Johor:** Pulau Rawa, Pulau Babi Hujung, Pulau Babi Tengah, Pulau Babi Besar, Pulau Tinggi, Pulau Aur, Pulau Pemanggil, Pulau Harimau, Pulau Goa, Pulau Mensirip, Pulau Sibit, Pulau Sibit Hujung dan Pulau Mentinggi.

**Kedah:** Pulau Kaca, Pulau Lembu, Pulau Payar dan Pulau Segantang.

**Labuan:** Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil.

## Taman Laut Pulau Tioman

PULAU Tioman merupakan pulau terbesar dalam gugusan pulau yang membentuk Taman Laut Pulau Tioman.

Gugusan pulau ini dan peralatannya diwartakan pada 1994 di bawah Akta Perikanan 1985 (Pindaan 1993).

Terdapat lebih 500 spesies hidupan marin di sini antaranya karang gergasi atau kima (*Tidacna sp*) yang dancam kepupusan



Mohd Sallehuddin turut menyertai pertandingan memasak kategori VIP bergambar bersama barisan juri.



Acara sukaneka turut diadakan bagi memeriahkan majlis.



Mohd Sallehuddin mendengar taklimat pertandingan memasak yang turut disediakan pada program itu.



Mohd Sallehuddin bergambar bersama kanak-kanak selepas majlis penyempulan hadiah acara sukaneka.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2019	HARIAN METRO	BISNES	31



PENGUSAHA durian Malaysia perlu ambil peluang menembusi pasaran terbesar dunia.

**BISNES**

TEL 1-800-22-8787 SAMB 4878  
TWITTER bisnesPM

## Pasaran terbesar raja buah

■ Hanya satu peratus daripada 1.4 bilion penduduk China berpotensi merasai durian

**Nabil Basaruddin**  
nabilbasaruddin  
@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

**P**ertumbuhan dan permintaan eksport terhadap durian Malaysia membuktikan bahawa produk pertanian negara terus diiktiraf dan mampu menjadi penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Duta Khas Malaysia ke China, Tan Kok Wai berkata, pasaran eksport terbesar bagi

durian negara ini adalah ke China berikutan raja buah ini mendapat sambutan luar biasa.

Beliau berkata, perkembangan dalam permintaan terhadap eksport durian ini juga dapat menjadi penyumbang kepada ekonomi serta menajana pendapatan Malaysia dan pada masa sama mengangkat sektor pertanian negara.

"Durian Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia jika dibandingkan dengan negara lain yang turut mengeluarkan durian di rantau ini. Malah, rakyat China juga

menganggap raja buah dari negara ini adalah yang terbaik di dunia.

"Malaysia ketika ini mempunyai lebih 200 jenis durian dan ia adalah potensi besar khususnya dengan permintaan yang semakin bertambah terhadap durian tempatan seperti Musang King, Black Thorn dan banyak lagi," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Karnival Durian Game of Thorns 2019 di sini.

Karnival durian itu dianjurkan oleh Dulai Fruits Enterprise Sdn Bhd (Dulai Fruits), anak syarikat milik PLS

“Durian Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia jika dibandingkan dengan negara lain yang turut mengeluarkan durian di rantau ini”

Tun

Plantation Berhad selama tiga hari bermula pada 19 hingga 21 Julai di Desa Parkcity.

Tan berkata, ketika ini dianggarkan hanya satu per-

atus daripada 1.4 bilion penduduk China mempunyai peluang merasai durian dari Malaysia yang dikatakan sungguh unik dan mempunyai aroma yang wangi.

Menurutnya, pengusaha mahupun syarikat Malaysia perlu mengambil peluang terbabit dalam mengeksport dan menembusi pasaran China kerana ia adalah antara pasaran terbesar di dunia.

"Selain buah, pengusaha juga perlu lebih kreatif dalam mempelbagaikan produk berasaskan durian seperti ais krim, coklat dan kek supaya

dapat memenuhi permintaan luar biasa dari negara itu," katanya.

Sementara itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menjangkakan 1,000 tan durian jenis premium iaitu Musang King dan Black Thorn akan dieksport ke China setiap bulan.

MOA turut menjadikan durian sebagai satu daripada industri di bawah Sumber Kekayaan Baharu dan dianggarkan nilai eksport negara mampu mencecah kira-kira RM500 juta untuk setahun.



## Atasi segera pencerobohan nelayan asing

Oleh SYAHIRAH SALLEH

**KUALA LUMPUR:** Kira-kira 500 nelayan dari Pantai Timur dan Utara tanah air berdemostrasi secara aman di hadapan bangunan Parlimen pagi Selasa lepas bagi mendesak kerajaan menyelesaikan beberapa permasalahan mereka.

Antara permasalahan yang dikemukakan nelayan-nelayan tersebut adalah penyalahgunaan lesen-lesen terpakai vesel zon C2 yang mana terdapat rakyat Malaysia menyewa lesen tersebut kepada nelayan asing dari Vietnam.

Selain itu, mereka juga memohon agar kerajaan menyelesaikan penggunaan peralatan haram oleh nelayan asing yang mana turut menjejaskan ekosistem hidupan laut seperti terumbu karang dan habitat pembiakan ikan.

Memorandum pencerobohan nelayan asing Viet-

nam dan Myanmar itu diserahkan kepada Ahli-Ahli Parlimen pembangkang yang diwakili Ahli Parlimen Marang, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang.

Belliau yang juga Presiden PAS itu berkata, situasi yang dialami nelayan hari ini memerlukan tindakan tegas dari pihak kerajaan terhadap nelayan-nelayan asing yang menceroboh perairan laut Malaysia.

Katanya, sekiranya kerajaan tidak mampu untuk bertegas dengan penceroboh, kerajaan perlu bekerjasama dengan negara-negara jiran untuk bertindak secara bersama dalam mengatasi permasalahan ini.

"(Situasi ini) memerlukan kerajaan bertindak dengan cara yang tegas, kalau kerajaan tak mampu, mesti kerajaan perlu bekerjasama dengan negara-negara yang jiran untuk bertindak secara bersama dalam menghadapi masalah ini,

bukan sahaja demi nelayan, termasuk demi alam sekitar yang dilancam itu," ujarnya kepada pemberita ketika ditemui di hadapan bangunan Parlimen, Selasa lepas.

Tambah belliau, pencerobohan nelayan asing tersebut bukan sahaja merosakkan merosakkan peralatan-peralatan nelayan tempatan, malah turut memberi kesan negatif kepada pembiakan benih-benih ikan.

Kemudiannya, beberapa wakil nelayan turut menyerahkan memorandum serta mengadakan pertemuan mengenai situasi tersebut bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahuddin Ayub.

Hasil daripada perbincangan bersama kementerian tersebut, Salahuddin Ayub meminta diberikan beliau masa tiga bulan untuk merangka penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi nelayan.



Headline	Sim Tze-Tzin fights fake news personally		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	22 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	22	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	315 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,545
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,636



# 被冒名“教導”申請撥款 沈志勤親自上線打假

Sim Tze Tzin 沈志勤  
14 mins

Nama saya dan Gambar Profile telah disalahgunakan oleh Syndicate dan Nigeria. Jika anda dapat message dari phone tersebut, tolong report Fake Account dan block number tersebut.



他人进行诈骗，提醒大家不要受骗并举报和封锁有关帐号。沈志勤通过脸书揭发有来自尼日利亚的诈骗集团假冒其名义向

(八打灵再也21日讯) 农业及农机工业部副部长沈志勤教你如何申请政府最新的拨款计划？假的！沈志勤亲自澄清，本身遭诈骗集团冒名在社交媒体上进行诈骗。

沈志勤今天通过脸书发帖，揭露自己的名字和照片遭到来自尼日利亚的诈骗集团冒名滥用，并呼吁任何收到来自有关假帐号信息的网民小心警惕，并协助举报和封锁有关假帐号。

## 假帐号由尼日利亚登入

从沈志勤在有关帖子附上的脸书即时通讯 (FB Messenger) 截图中，可以看到该名为 Sim Tze Tzin 的帐号头像显示为沈志勤，不过资料显示该帐号是通过来自非洲的尼日利亚登入，并显示有关帐号是近期所创建的。

而从创建该假帐号的诈骗人与他人对话的截图中，可以看到该诈骗人先是询问对方是否有听过政府最近的拨款计划，并表示自己已经申请到有关拨款，更指对方也可以申请有关拨款计划。

随后诈骗人紧接着询问对方是否有听过名为杰弗里-刘易斯 (Jeffrey Lewis) 的律师，并表示后者协助他申请到拨款，并表示后者也可以协助对方申请到拨款。

诈骗人随后也附上一个帐号名为 Jeffrey Lewis 的脸书帐号链接，指对方只需要点击有关链接，加对方为好友以进行联系。

然而记者查证后，发现有关名为 Jeffrey Lewis (Attorney) 的脸书帐号，仅显示其个人照片为一名中年白人男子，此外就再也没有更多内容；而从网上也没能搜寻到有关此人的更多信息，谷歌反向图片搜寻功能也没能找到与其个人照相关的照片，显然就是一个用以进行诈骗的假帐号。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

# Tahan nelayan asing

**Menerusi Ops Pintasan di perairan Kuala Selangor**

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA SELANGOR

**P**asukan Polis Marin (PPM) menahan sebuah bot pukat tunda bersama empat nelayan warga asing menerusi Ops Pintasan di perairan Kuala Selangor di sini kelmarin.

Komander PPM Wilayah 1, Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, bot tersebut dikesan dalam keadaan mencurigakan kira-kira jam 10 pagi.

"Pemeriksaan mendapati terdapat empat warga Indonesia berusia lingkungan 37 hingga 43 tahun yang mana salah seorang merupakan tekong, manakala tiga lagi ialah awak-awak.



PPM menahan empat warga Indonesia di perairan Kuala Selangor kelmarin.

"Siasatan mendapati nelayan terbabit melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Tambahnya, antara kesalahan itu adalah tiada kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia untuk menggunakan pekerja dan awak-awak asing serta menggunakan saiz mata pukat bahagian keroncang kurang dari 38 milimeter ukuran tegang.

Selain itu, keempat-empat tangkapan itu juga gagal mengemukakan dokumen perjalanan yang sah.

Katanya, warga Indonesia ini juga akan disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

"PPM telah bertindak merampas bot terbabit selain rampasan pukat, tali tunda, papan tunda serta hasil tangkapan udang dan ikan seberat kira-kira 100 kilogram," katanya.



## DESTRUCTIVE

# FISH BOMBING RAMPANT IN 36 AREAS

Sabah Marine Police head plans to end menace

AVILA GERALDINE  
AND OLIVIA MIWIL  
KOTA KINABALU  
news@nst.com.my

**F**OR Assistant Commissioner Mohamad Pajeri All, putting an end to fish bombing in Sabah is one thing he wants to achieve in his career, which has spanned 30 years.

The Sabah Marine Police chief said the problem had existed in the state when he was posted to Sabah as a patrol vessel officer in 1986.

"I'd served the force in Johor, Terengganu and Pahang, but never had I encountered fish bombing in any of the states."

He said over the years, fish bombing had grown in Sabah, spurred by the influx of immigrants who saw the lucrative side of it.

"Making a home-made explosive is easy and cheap. One only needs to mix fertilisers with kerosene in a bottle, and ignite it with a detonator and fuse."

Pajeri said although most of the culprits were immigrants and to a certain extent, the Bajau Laut (sea gypsies), they did not work alone.

"There are certain parties exploiting this group because they are poor and uneducated. To make a living, they take the easy way out by resorting to fish bombing."

"In the past, 'bombed' fish were used to make *Ikan masin* (salted fish).

"We had arrested a mastermind, who provided detonators (to non-local fishermen). This is how we know that they were exploited," he added.

He said the masterminds were usually locals, who bought fish from the fishermen and sold the catch at the wet market.

Pajeri said the culprits often conducted their activities in shallow waters, which have coral reefs and offshore oil platforms.

"The police have identified 36 fish bombing hotspots within the seven operational zones under its jurisdiction. These hotspots are in Labuan, Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Lahad Daru, Semporna and Tawau."

Pajeri said tracking down fish bombers was a challenge, and for that, the marine police depended on tip-offs from the public, and at



Sabah Marine Police chief Assistant Commissioner Mohamad Pajeri All showing items used to make a fish bomb in Kota Kinabalu recently. PIC BY MALAI ROSMAH TUAH

times would resort to going undercover to nab the culprits.

"If we come after them on patrol boats, they will know and not carry out their activities. That's why we sometimes disguise ourselves as fishermen and catch them red-handed."

"Nabbing fish bombers can be challenging and requires courage. They are aggressive and can threaten the lives of marine police personnel," said Pajeri, adding that he had had some close calls.

During daily sea operations, Pajeri said marine police would conduct enforcement within 12 nautical miles of the coastal areas.

Anything beyond that is the jurisdiction of the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) and navy, as they have assets that could move into deeper waters.

"Fish bombing is rampant in these areas, which is a concern because there are oil rigs and coral reefs, which can lead to serious loss of marine life and environmental damage."

"We hope through the collaboration with MMEA, navy and other enforcement agencies, we can address this problem effectively."

The marine police are working with the Fisheries Department's enforcement team to check fish sold at rural markets, as well as with Sabah Parks to deter illegal activities, including catching protected species and stealing corals in protected marine areas.



He had instructed his men to inspect lorries transporting fish as they had previously detained one loaded with bombed fish.

Fish bombing is punishable under Section 26 (1) (c) of the Fisheries Act 1985 and Section 8 of the Explosives Act 1957.

The offence, under the Fisheries Act, carries a maximum fine of RM20,000 or a jail term not exceeding two years or both, while the Explosives Act carries seven years' imprisonment or a fine of RM10,000, or both.

Pajeri is calling for more severe punishments as the current ones were not enough to act as a deterrent.

He added that those found guilty, mostly illegal immigrants, would usually be handed a RM500 fine and a month's jail, before they were handed over to the Immigration Department for deportation.

"Deporting the offenders may prevent them from carrying out the activity temporarily, but they would most likely return."

"Seeing the need for harsher punishments, the (Bukit Aman) Internal Security and Public Order Department director has given an instruction to the state marine commander to revisit all offences under these two acts and to make a recommendation (for

## FISH BOMBING HOTSPOTS

### 1. LABUAN

- Pulau Papan
- Pulau Daaf
- Pulau Tiga
- The Semarang oil rig

### 2. KOTA KINABALU

- The St. Joseph oil rig
- Pulau Mantanani
- Pulau Mangalim
- Lok Molohom at Pulau Gaya
- Pulau Mamutik under Tunku Abdul Rahman Marine Park
- Sepanggar

### 3. KUDAT

- Pulau Balambangan
- Pulau Tigabu
- Pulau Malawali
- Pulau Mandi Darah

### 4. TAWAU

- Kalumpang
- Tinagat

### 5. SANDAKAN

- Pulau Jambangan
- Pulau Tikus
- Pulau Langkayan
- Pulau Tambisan

### 6. LAHAD DATU

- Tanjung Labian
- Laut Mekuao
- Dent Heaven
- Tanjung Membatu
- Bakapit
- Silam
- Kuala Tingkay

### 7. SEMPORNA

- Pulau Batik Kulambu
- Pulau Bum Bum
- Pulau Ormadal
- Pulau Siamil
- Rock Reef
- Pulau Manarripilik
- Pulau Matakang



22/7/2019

NST

NATION/NEWS

7

## Fish bombers drawn to easy profits, says state minister

**KOTA KINABALU:** Fish bombing — using homemade explosives — or other destructive methods, such as cyanide fishing, prevail in Sabah as they provide quick profits at the expense of ocean resources and people's lives.

The recent deaths of three scuba divers, who suffered internal injuries in an underwater explosion in the east coast district of Semporna, are a reminder of just how dangerous fish bombing can be.

The problem is widespread in coastal districts across Sabah, where there are concentrations of squatter colonies occupied by immigrants.

Equally destructive are fishing crews who are paid by unscrupulous owners of "mother ship" vessels that would set out to sea with a mission to seek profits, regardless of the risks and damage they cause.

Fish bombing and cyanide fishing have existed in the state for decades, which is a concern for the authorities, civil society and consumers.

State Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong said poverty and the appeal of making fast cash were the reasons behind the involvement of those behind such methods.

"A bombed fish would be soft to the touch and when cut out, internal bleeding can be seen," he said, adding that he urged the public to boycott those who supplied such fish.

Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) Sabah director Rear Admiral Kamaruzaman Abu Hassan said many of the culprits were immigrants and they came from settlements throughout the state.

Recently, he said MMEA, together with other agencies, intensified operations to combat fish bombings in Sabah waters, including the deep seas, where there are offshore oil rigs, and shallow waters, which contain coral reefs.

But the challenges are real and eradicating the problem is easier said than done.

Take the *ikan sulit*, arguably the most popular grilled fish on any given day in markets or open air restaurants in most coastal



Fish bombers need only fertilisers, a bottle of kerosene, a detonator and fuse to make a bomb. PIC COURTESY OF SFB MALAYSIA

districts in Sabah, for example.

The fish, known as fusiliers, is sought after when salted and dried because of its texture.

To catch the fish, which is found mainly in coral reef areas, fishermen use spears which would leave wounds — a mark often used by retailers to show that they get their supply traditionally.

But not when the amount is plenty as that would need the use of many spears. Thus, fish bombs are used.

Fusiliers, apart from being used as the most common reference point in studies related to fish bombing, also found "fame" when it became a topic during proceedings in the Royal Commission of Inquiry on immigrants in Sabah in 2013.

In his testimony, Sabah Fisheries Department Legal and Enforcement Unit chief Mohd Yusoff Anthony had said 95 per cent of fusiliers and *anjanganj* were caught using explosives.

He had testified that those caught would usually be charged under Section 26 (C) of the Fisheries Act 1985, for having knowledge that the fish they possess were caught using explosives.

There are other types of groupers, trevally, parrot fish, snappers that are the target of fish bombers.

A fishmonger in Kota Kinabalu, Mohd Din Abdullah, 38, claimed he and others like him were victims of bombed fish suppliers.

There were times when they were supplied with bombed fish without their knowledge, and ended up bearing the consequences when they got caught by the authorities, he added.

"During checks, they will cut open the fish to identify whether its internal organs are damaged (by bombing)," said Din. "If they are confirmed as bombed fish, we



